

SUMBANGAN INTELEKTUAL ISLAM DALAM SENI

Zulkifli Hasan dan Hanani Harun¹

ABSTRAK

Kesenian Islam telah mencapai tahap yang amat tinggi ketika era kegemilangan empayar Islam ketika dahulu. Malahan sememangnya tidak boleh dinafikan bahawa sebahagian besar cabang kesenian yang ada pada hari ini adalah sumbangan awal dari para ilmuwan Islam. Fakta ini diperkukuhkan dengan nukilan sejarah yang merekodkan para intelektual Islam yang telah menghasilkan kerja seni yang luar biasa mutunya malahan kekal hingga kini sama ada dari aspek seni seperti seni khat, seni bina, seni muzik, dan juga seni sastera. Artikel ini akan melihat bagaimana sumbangan mereka ini terhadap perkembangan seni pada era mereka dan dunia hari ini.

PENDAHULUAN

Keagungan empayar Islam satu ketika dahulu telah memberikan sumbangan yang amat besar di dalam pembentukan sejarah ketamadunan manusia. Di antara ciri-ciri keagungan yang telah dicapai oleh umat Islam pada zaman kegemilangan mereka ialah kemajuan yang tinggi dalam bidang ilmu pengetahuan. Kemajuan sains dalam sejarah kebangkitan ilmu dalam Islam telah melahirkan tokoh-tokoh ternama yang sangat ramai. Antaranya ialah al-Khawarizmi, al-Kindi, al-Farabi, al-Biruni dan sebagainya. Mereka ini beserta ramai lagi tokoh ilmu yang lain telah meninggalkan kesan yang besar dalam kemajuan ilmu pengetahuan bagi manusia sejagat.

Di dalam artikel ini penulis akan mengupas tentang sumbangan intelektual Islam dalam seni berdasarkan kepada jenis-jenis seni, tokoh-tokoh intelektual Islam dan sumbangan mereka terhadap seni tersebut. Intelektual menurut Kamus Dewan bermaksud mana-mana orang yang mempunyai dua ciri utama iaitu terpelajar, cerdik pandai, cendekiawan dan mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir dengan menggunakan akal budi (ms 457 Kamus Dewan, 1991). Manakala seni pula memberi erti halus, elok, tipis, enak didengar, comel dan merupakan karya yang diciptakan dengan bakat ataupun kecekapan

¹ Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah, Kementerian Pelajaran Malaysia.

hasil daripada sesuatu ciptaan (ms. 1169, Kamus Dewan, 1991). Di sini, penulis akan membincangkan tentang sumbangan-sumbangan para ilmuwan Islam dalam pelbagai seni seperti seni khat, seni bina, seni muzik, dan juga seni sastera.

(a) SENI BINA

Seni bina merupakan di antara bentuk-bentuk seni yang terdapat pada sesuatu tamadun. Menurut Ab. Alim dan Syed Idrus (1995), seni bina bermaksud “satu bidang seni untuk mendirikan bangunan, reka bentuk dan reka letak yang dibina oleh manusia untuk digunakan oleh manusia”. Ibn Khaldun (dalam Mahayudin, 2004) pula berpendapat bahawa seni bina merupakan satu daripada ciri-ciri ketamadunan yang penting kerana ia merupakan lambang atau mercu tanda kegemilangan sesuatu bangsa atau negara.

Pencapaian dan pembangunan seni bina telah bermula sejak zaman Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* (SAW) lagi. Ini dapat dilihat menerusi pembinaan Masjid Quba’ dan Masjid Nabawi (Mahayudin, 2004). Pada zaman pemerintahan Khulafa’ al-Rashidin, terutamanya zaman Khalifah ‘Umar al-Khattab, perkembangan seni bina dianggap paling berjaya kerana beliau amat mengambil berat tentang pembaharuan dalam pelbagai bidang khususnya pembinaan masjid.

Pada zaman Kerajaan Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah, khalifah-khalifah yang memerintah telah banyak memberi sumbangan penting dalam pencapaian seni bina Islam. Di antaranya ialah:

Khalifah al-Walid bin ‘Abdul Malik (86-87H)

Semasa pemerintahan Khalifah al-Walid, Masjid Suriah di Damsyik yang dahulunya merupakan sebuah gereja masyarakat Kristian berbangsa Yunani telah diperbaharui dan dibangunkan semula (Mahayudin, 2004). Menurut pengarang ini lagi, pada zaman pemerintahan beliaulah bermulanya pembinaan unsur-unsur bangunan masjid secara lengkap seperti mihrab, mimbar, menara, selain tiang dan dinding serta atap.

Khalifah al-Walid banyak menyumbang ke arah kemajuan seni bina Islam semasa pemerintahannya sehingga beliau digelar ‘Pembina Agung Kerajaan Bani Umayyah’ (Mahayudin, 2004). Beliau telah membina pejabat-pejabat kerajaan dan juga beberapa bangunan bagi mengindahkan kota Damsyik dan memulihara Masjid Nabawi di Madinah, Masjid al-Haram di Makkah dan Masjid al-’Aqsa di Bayt al-Maqdis. Beliau juga telah menyempurnakan pembinaan batu di Bayt al-Maqdis iaitu *Qubbah al-Sakhr*. (Mahayudin, 2004).

Khalid bin ‘Abdullah al-Qasri

Beliau merupakan gabenor kepada Khalifah Hisham bin ‘Abd al-Malik. Menurut Mahayudin (2004), beliau telah berjaya membina parit-parit dan tali air dalam usaha menyiapkan projek pertanian yang dirancang oleh Khalifah Hisham bin Abd al-Malik.

Khalifah Abdul Rahman II

Di antara sumbangan Khalifah Abdul Rahman II dalam aspek seni bina ialah membuat projek membina menara-menara lampu di beberapa pelabuhan untuk memudahkan kapal-kapal perdagangan berlabuh di pantai-pantai Andalus (Mahayudin, 2004).

Khalifah Abu Ja’far al-Mansur

Nama penuh beliau ialah Abu Jaafar Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Abbas telah dilahirkan di 101H di al-Hamimah (Mohd Mokhtar, 1993). Hasan Ibrahim (dalam Mohd Mokhtar, 1993) menyatakan bahawa beliau merupakan khalifah Abbasiyah yang kedua selepas Abu al-Abbas al-Saffah. Beliau telah mendirikan sebuah istana yang bernama al-Khuldi di pinggir Sungai Dajlah. Rekabentuk istana ini sangat indah dan kedudukannya yang strategik telah menyebabkan beliau menamakannya ‘*Qasr al-Khuldi*’ yang bermaksud istana abadi. Beliau juga telah membina *Masjid Jami’ al-Mansur* di hadapan

Istana al-Zahab yang mana merupakan masjid yang tertua di Kota Baghdad (Mahayudin, 2004).

Khalifah al-Mahdi

Khalifah al-Mahdi ialah khalifah yang ketiga dalam khalifah-khalifah Bani Abbasiyah peringkat pertama (Mohd Mokhtar, 1993). Beliau telah membina Istana *al-Salam* di Isabaz dan *Masjid Jami' al-Rishafah* pada tahun 157H (Mahayudin, 2004).

Khalifah al-Ma'mun

Universiti Nizamiyyah merupakan pusat pengajian tinggi formal yang ditubuhkan oleh Khalifah al-Ma'mun di zaman pemerintahannya. Penubuhan universiti ini telah memberi peluang yang besar kepada orang ramai untuk menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi (Mahayudin, 2004). Imam Abu Hanifah, Imam Shafii, Imam Malik, al-Kindi, al-Farabi, Abu Bakar al-Razi dan Ibn Sina adalah antara tokoh-tokoh intelektual yang pernah menuntut di universiti bersejarah ini.

Beliau telah membina *Bayt al-Hikmah* yang merupakan pusat kegiatan ilmu pengetahuan yang terbesar terletak di Baghdad (Mahayudin, 2004). Pelbagai aktiviti penulisan karya-karya ilmiah dan juga aktiviti penterjemahan buku ke dalam bahasa Arab dijalankan di kutub khanah ini. Beliau juga telah memperkembangkan bidang astronomi dengan membina pusat astronomi di Syamsiyah, berhampiran Kota Baghdad untuk mengawasi pergerakan bintang (Mahayudin, 2004). Kesan daripada penubuhan ini ahli-ahli geografi Islam telah berjaya membuktikan bahawa dunia ini bulat yang mengandungi 360 darjah.

Ibrahim al-Farazi

Beliau merupakan seorang ahli geografi Islam yang telah membuat banyak kajian. Beliau telah berjaya mencipta astrolab yang digunakan oleh ahli pelayaran sehingga kini (Mahayudin, 2004).

Sultan Malik Syah

Sultan Malik Syah telah membina Balai Cerap (*Observatori*) untuk kegunaan ahli-ahli astronomi mengadakan persidangan. Di Balai cerap inilah Kalendar Parsi diperbaharui (Mahayudin, 2004).

(b) SENI MUZIK

Muzik boleh ditakrifkan sebagai bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan (Mahayudin, 2004). Bangsa Yunani dikatakan perintis dalam bidang seni muzik. Namun begitu setelah kedatangan Islam, orang-orang Islam telah memajukannya. Perkembangan seni muzik berlaku pesat pada zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyah di mana kebolehan menyanyi dan bermain alat muzik dijadikan pra syarat untuk diterima bekerja (Mohd Mokhtar, 1993). Kesannya, lahirlah ramai tokoh-tokoh terkemuka yang arif dalam bidang muzik seperti al-Farabi dan al-Kindi.

Al-Farabi

Nama sebenar al-Farabi ialah Abu Nasr Muhammad Ibn Muhammad Ibn Tarkhan (Haliza, 2006). Beliau dilahirkan pada 260 Hijrah (874 Masihi) di Khurasan, Turki. Beliau banyak menyumbang dari segi pemikiran serta penghasilan buku dalam bidang falsafah, mantik, sosiologi, sains dan muzik.

Di dalam seni muzik, al-Farabi merupakan seorang pemuzik yang handal dan lagu hasil karya beliau meninggalkan kesan secara langsung kepada pendengarnya. Selain mempunyai kemampuan bermain alat muzik, beliau juga berjaya mencipta sejenis alat muzik yang dikenali sebagai gambus (Umar, 1983). Mahayudin (2004) pula menyatakan bahawa al-Farabi adalah pencipta dan pengembang seni muzik daripada alat rabah dan qanun.

Al-Farabi turut menghasilkan sebuah buku yang mengandungi pengajaran dan teori muzik Islam yang diberi judul *al-Musiqa* (Haliza, 2006, Mahayudin, 2004, Abd Alim dan Syed Idrus, 1995). Menurut Mahayudin (2004), beliau juga terkenal menerusi karyanya yang diterjemahkan bertajuk *Grand Book on Music, Styles in Music* dan *On The Classification of Rhythm*. Buku-buku ini sebenarnya diterjemahkan daripada karya bahasa Arab dan menjadi rujukan penting di Eropah. Selain itu, beliau juga memberi sumbangan yang besar dalam penciptaan not-not muzik.

Al-Kindi

Nama sebenar al-Kindi ialah Abu Yusuf Ya'qub Ibn Ishaq al-Kindi. Beliau dilahirkan di Kufah sekitar tahun 800 Masihi (Dipetik di <http://www.muslimheritage.htm>). Beliau merupakan seorang yang pakar dalam bidang muzik dan banyak menghasilkan buku-buku mengenai teori-teori muzik. Banyak karyanya telah diterjemahkan kepada bahasa-bahasa Eropah antaranya, *Essentials of Knowledge in Music, On The Melodies* dan *The Necessary Book in the Composition of Melodies* (Mahayudin, 2004).

Al-Kindi juga telah berjaya menemui pelbagai not muzik yang mana apabila digabungkan akan menghasilkan harmoni. Mengikut beliau, nada-nada suara yang terlalu rendah dan terlalu tinggi adalah tidak seimbang dan tidak menyenangkan (Dipetik di <http://www.muslimphilosophy.com>). Al-Kindi juga berpendapat bahawa muzik termasuk dalam disiplin ilmu sains, di samping turut berhubung rapat dengan matematik dan memberi kesan terhadap kesihatan (Mahmood Zuhdi, 2003).

Muhyiddin Ibn Arabi

Beliau merupakan seorang ahli muzik Islam yang terkenal. Karya-karyanya banyak berkisar tentang alat-alat muzik (Mahayudin, 2004). Di dalam bukunya beliau menerangkan bahawa Islam mencadangkan agar seni muzik dipertingkatkan.

Safi al-Din Abd al-Mu'min

Beliau merupakan orang yang pertama sekali membina sekolah muzik. Malahan, beliau turut menghasilkan beberapa karya muzik menerusi *Syarifiya* dan *Modus Muzik* (Mahayudin, 2004). Beliau turut digelar '*Father of Music*' oleh ahli muzik Barat yang mengagumi hasil karya seninya.

Shams al-Din Muhammad bin Safi al-Din

Beliau adalah anak kepada Safi al-Din yang juga merupakan pakar dalam bidang muzik yang terkenal. Terdapat buku-buku hasil ciptaannya yang diterjemahkan seperti *The Jewels of Arrangement in the Knowledge of the Melodies* (Mahayudin, 2004).

Al-Isfahani

Beliau merupakan seorang yang pakar dalam seni muzik. Hasil karya beliau yang begitu terkenal ialah *al-Aghani* dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah dengan nama *The Grand Book of Songs* yang mengandungi 21 jilid (Mahayudin, 2004).

Khalil bin Ahmad

Beliau ialah orang yang pertama berjaya menghasilkan kamus muzik yang telah diterjemahkan bertajuk *The Book Notes* dan *The Book of Rhythm* (Mahayudin, 2004). Hasil karya beliau ini telah dijadikan sebagai buku teks rujukan bagi pelajar-pelajar universiti di Sepanyol (Mahayudin, 2004).

Al-Urmawi

Nama sebenar beliau ialah Abd al-Mu'min Ibn Yusuf Ibn Fakhir (Dipetik di <http://www.muslimheritage.com>). Beliau dilahirkan pada tahun 1230 Masihi. Al-Urmawi

begitu dikenali kerana beliau merupakan seorang pembuat biola dan juga ahli muzik pada zaman Khalifah al-Musta'sim.

Berdasarkan fakta-fakta di atas dapat disimpulkan bahawa orang-orang Islam bukannya mencedok ilmu muzik daripada masyarakat Yunani tetapi telah terbukti mereka begitu kreatif dalam penghasilan karya muzik yang tersendiri.

(c) **SENI KHAT DAN KALIGRAFI**

Seni khat merupakan satu seni yang berkembang seiring dengan perkembangan bidang seni yang lain terutama sekali seni ukiran. Hal ini diperakui oleh kebanyakan penulis buku Tamadun Islam (Ghazali, 2001, Ab. Alim dan Syed Idrus, 1995, Mahayudin, 2004, Kamil al-Baba, 1992). Seni khat ialah satu seni yang berkaitan dengan tulisan. Syeikh Shams al-Din al-Akfani (dalam Mahayudin, 2004) menjelaskan bahawa seni khat atau kaligrafi adalah satu ilmu yang memperkenalkan bentuk-bentuk huruf-huruf tunggal, letaknya dan cara-cara merangkainya menjadi tulisan yang tersusun atau apa-apa yang ditulis di atas garis-garis bagaimana cara menulisnya dan menentukan mana yang tidak perlu ditulis; menggubah ejaan yang perlu digubah dan menentukan cara bagaimana untuk menggubahnya.

Terdapat banyak khat yang digunakan oleh orang Islam seperti *khat kufi*, *nasakh*, *thuluth*, *rayhan*, *muhaqqaq*, *tawqi'*, *riq'ah*, *diwan*, *ijazah*, *parisi*, *diwan jali*, *ta'liq*, *nasta'liq*, dan sebagainya (Kamil al-Baba, 1992). Terdapat sumber mengatakan bahawa khat yang tertua ialah *khat kufi* (Mahayudin, 2004, Ab. Alim dan Syed Idrus, 1995 dan Seyyed Hossein Nasr, 1987). Di antara tokoh-tokoh ilmuwan yang terkenal dalam bidang seni khat dan kaligrafi ialah Ibn Muqlah, Ibn Bawwab dan juga Yaqut al-Musta'simi.

Ibn Muqlah

Nama sebenar beliau ialah Abu Ali Muhammad Ibn Ali Ibn Muqlah (Kamil al-Baba, 1992). Beliau dilahirkan di Baghdad dalam tahun 886 Masihi merupakan di antara ahli

kaligrafi yang masyhur di zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah. Ibn Muqlah dianggap sebagai pencipta tulisan *khat naskhi* yang menggantikan tempat *khat kufi* dalam keseragaman kaligrafi Islam (Kamil al-Baba, 1992).

Beliau telah memperkenalkan khat al-Mansub (proportional script) di dalam sejarah kaligrafi Islam. Di dalam khat ini, beliau telah menetapkan satu sistem ukuran dalam menulis satu-satu huruf. Misalnya huruf alif ditulis berpandukan titik-titik (3, 5 atau 7 titik) (Kamil al-Baba, 1992).

Ibn Bawwab

Ibn Bawwab ialah Abu al-Hassan Ali Ibn Hilal Ibn al-Bawwab dilahirkan di Baghdad (Seyyed Hossein Nasr, 1987). Beliau digelar Ibn Bawwab kerana ayahnya adalah seorang jurukunci (*bawwab*) *Dar al-Qada'* (bilik pengadilan) di Baghdad. Semenjak kecil lagi beliau telah mempelajari ilmu khat dengan Muhammad Ibn Asad dan Muhammad al-Simsimani (Kamil al-Baba, 1992).

Beliau yang merupakan ahli kaligrafi pada zaman Bani Abbasiyyah dianggap sebagai pencipta kepada *khat rayhani* dan *muhaqqaq* (dipetik di <http://www.muslim.org>). Terdapat sebanyak 64 buah al-Qur'an ditulis oleh Ibn Bawwab yang mana salah satunya ditulis dengan *khat rayhani* (Kamil al-Baba, 1992).

Yaqut al-Musta'simi

Nama sebenar beliau ialah Syekh Jamaluddin Yaqut al-Musta'simi al-Thawusyi al-Baghdadi (Kamil al-Baba, 1992). Selain daripada menjadi ketua di Perpustakaan *al-Mustansyiriyyah*, beliau juga dikenali sebagai budayawan dan ahli pujangga. Tulisannya dikatakan lebih cantik daripada Ibn Muqlah dan Ibn Bawwab.

Beliau pernah digelar sebagai *Qiblat al-Kuttab* yang bermaksud kiblat para penulis khat Kamil al-Baba, 1992). Beliau juga dikatakan pengasas kepada "Sittah" enam jenis tulisan yang terkenal ketika itu (Ghazali, 2001).

(d) SENI SASTERA

Kesusasteraan Islam bermula sejak dari turunnya wahyu dari Allah *Subahanahu Wataala* (SWT) yang terakhir iaitu kitab al-Qur'an al-Karim. Al-Qur'an merupakan sebesar-besar mukjizat bagi umat Islam. Menurut Mustafa Haji Daud (1991), al-Qur'an itu ialah sumber kesusasteraan Islam yang dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan bahasa dan dari segi isi. Maka tiada sesiapaupun yang dapat menandingi keindahan bahasa yang terkandung dalam al-Qur'an.

Terdapat ramai tokoh-tokoh ilmuwan Islam yang memberi sumbangan yang besar di dalam seni sastra Islam. Karya-karya seperti *The Arabian Night, Ali Baba and the 40 Thieves, Sinbad the Sailor, dan Aladin and the Magic Lamp* begitu popular hingga ke negara-negara Barat. Di antara intelektual Islam yang terkenal dalam seni sastra ialah:

Firdawsi

Firdawsi amat terkenal melalui hasil karyanya yang berjudul Hikayat 1001 Malam (dipetik di <http://www.muslimphilosophy.com>). Ceritanya telah banyak memberi kesan kepada masyarakat Islam dan tidak ketinggalan juga orang-orang Barat sehinggakan ia telah diterjemahkan ke dalam beratus-ratus bahasa. Beliau juga menghasilkan karya bertajuk *Shah Nameh* yang turut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *Epic Kings* (Ghazali, 2001).

Ibn Tufayl

Nama sebenar beliau ialah Abu Bakr Muhammad Ibn Abd al-Malik Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn Tufayl al-Qaysi (dipetik di <http://www.muslimheritage.com>). Di dalam

karyanya, beliau menceritakan tentang bagaimana seseorang mencapai fasa perkembangan yang tinggi sekali tanpa bantuan apa-apa daripada orang lain atau dari alam sekitarnya (Hasan, 1971). Ibn Tufayl dengan karyanya Hayy Ibn Yaqzan yang mengungkapkan bahawa manusia boleh mengenal Tuhan tanpa wahyu dan guru telah mempengaruhi pemikiran orang Eropah. Karya ini telah diterjemahkan ke bahasa Latin oleh Roger Bacon dan diterbitkan bersama-sama teks Arab di Oxford pada tahun 1671 (Dipetik di http://www.members.tripod.com/man_999/sumbangan_Islam_2.htm). Orang Eropah bukan setakat menterjemah malahan mereka juga menghayatinya melalui penciptaan kisah-kisah berdasarkan idea yang dikemukakan dalam buku tersebut. Antara kisah tersebut ialah Crusoe yang dihasilkan pada abad ke 18 (Hasan, 1971).

Omar Khayyam

Omar Khayyam juga terkenal sebagai seorang penyair yang hebat di zamannya. Malah, beliau pernah menjadi terkenal di kalangan dunia Barat sejak tahun 1839 apabila Edward Fitzgerald menerbitkan terjemahan Bahasa Inggeris bagi bukunya, *Rubayyat* (Dipetik di <http://www.tutor.com.my/tutor>). Buku ini menggambarkan kehebatan dan kekayaan ilmu yang dimilikinya. Sumbangan beliau sebagai ahli falsafah banyak meletakkan asas dalam tamadun keilmuan manusia sejagat.

Abu al-Sult Ibn Abdul Aziz

Antara sarjana Islam yang terkemuka di Andalus pada abad keenam hijriyyah termasuklah Abu al-Sult Umayyah Ibn Abdul Aziz Ibn Abi al-Sulf (Mahmood Zuhdi, 2003). Beliau dilahirkan di Daniat, Andalus Timur pada tahun 459 H (1067 M) (Ibn Abi Usaiba'ah, 1965). Beliau banyak menggubah syair-syair puji-pujian kepada raja untuk mencari rezeki. Selain antologi-antologi syair, beliau juga menghasilkan karya berkenaan dengan sastera iaitu *al-Mulah al-Asriyah*, *Hadiqah al-Adab*, dan *al-Risalah al-Misriyyah* (Ibn Abi Usaiba'ah, 1965).

Ibn Bajjah

Beliau ialah Abu Bakr Muhammad Ibn Yahya al-Sa'igh dilahirkan di Saragossa pada tahun 457 H (1082 M) (Mahmood Zuhdi, 2003). Beliau merupakan seorang sasterawan yang unggul, ahli bahasa dan seorang hafiz al-Qur'an. Beliau menghasilkan karya seperti *Risalah al-Wida'*, *al-Risalah al-Ittisal* dan *al-Madinah al-Fadilah* (Umar Furrukh, 1983).

KESIMPULAN

Berdasarkan fakta yang dinyatakan di atas, sememangnya telah terbukti bahawa tamadun Islam telah memberikan sumbangan yang amat besar melalui intelektual Islam di dalam perkembangan sebahagian besar cabang seni yang wujud pada hari ini. Pada hakikatnya Islam tidak pernah menolak kesenian malahan menerapkan unsur-unsur murni yang menjadi teras kepada setiap cabang seni iaitu Tauhid bersesuaian dengan peredaran zaman. Jelas menunjukkan bahawa perkembangan seni sama ada seni khat, seni bina, seni sastera mahupun seni muzik telah pun dibangunkan awal-awal lagi oleh ilmuwan Islam. Buktinya ramai pencinta seni dari barat mempelajari dan mengkaji hasil seni ilmuwan Islam dan seterusnya menggunakan pengetahuan itu untuk menjadi teras kebangkitan ketamadunan mereka. Malahan pembangunan ilmu dalam dunia Islam telah diakui sebagai pemangkin kepada Zaman Renaissance atau Pembaharuan di Eropah (Azhar et.al, 2002) yang akhirnya melahirkan satu tamadun yang gemilang di sana.

Generasi pada hari ini sepatutnya merasa bangga dengan sumbangan ilmuwan Islam yang begitu besar terhadap peradaban dan tamadun manusia malahan mereka perlu mempunyai semangat dan iltizam untuk mengulangi keagungan tahap pencapaian ilmu pengetahuan intelektual Islam satu masa dahulu. Apa yang membantu kejayaan umat Islam dalam bidang-bidang ilmu seperti ini ialah Islam itu sendiri yang bersikap terbuka dan positif terhadap ilmu pengetahuan. Malahan al-Qur'an juga sentiasa menggesa umat Islam supaya berfikir dan meneliti tentang manusia dan alam Adalah menjadi aspirasi dan impian kita untuk menyaksikan suatu hari nanti sejarah keagungan umat Islam seperti dahulu akan kembali berulang.

RUJUKAN

Buku

Azhar, M.A., Azharudin, M.D., Suffian, M. & Zulkanain, A.R. (2002). *Tamadun Islam dan tamadun Asia*. (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ab. Alim, A. R. & Syed Idrus, S. M. (1995). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ghazali, D. (2001). *Sumbangan sarjana dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Hasan, L. (1987). *Pendidikan Islam: satu analisa sosio psikologikal*. (t.t.): Pustaka Antara.

Kamil, B. (1983). *Dinamika kaligrafi Islam*. (Terjemahan: Sirojuddin, A. R. (1992)). Jakarta: Dar al-'Ulum Press.

Mahayudin, Y. (2004). *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mohd Mokhtar, S. (1993). *Sejarah keagungan kerajaan Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Seyyed Hossein Nasr. (1987). *Spiritualitas dan seni Islam*. (Terjemahan: Sutejo. (1992)) Bandung: Penerbit Mizan.

Suratkhabar

Haliza, H. *Al-Farabi*. Berita Harian. Februari 27, 2006.

Internet

<http://www.muslimheritage.com>

<http://www.muslimphilosophy.com>

<http://www.tutor.com.my/tutor>

http://www.members.tripod.com/man999/sumbangan_Islam_2.htm